




LAPORAN
EKONOMI
2006/2007

1

PENGURUSAN DAN PROSPEK EKONOMI

Tinjauan

Malaysia telah mencapai kemajuan pesat dalam membangunkan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyatnya, meskipun dalam keadaan persekitaran luar yang sukar dan tidak menentu sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pengurusan ekonomi pada tahun 2006 kekal mencabar dalam persekitaran harga minyak mentah yang berterusan tinggi, kenaikan kadar faedah global dan peningkatan persaingan dari negara China, India serta kemunculan ekonomi serantau yang lain. Dengan dasar makroekonomi yang pragmatik, berserta asas ekonomi yang kukuh, termasuk pelaburan swasta yang menggalakkan, pengangguran yang rendah serta perbelanjaan pengguna yang kekal mapan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi tahun 2006 dijangka berkembang pada kadar 5.8% (2005: 5.2%).

Pertumbuhan tahun 2006 dijangka menyeluruh diterajui oleh sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian. Dengan penggunaan domestik yang terus kukuh dan pengembangan aktiviti berkaitan perdagangan, sektor perkhidmatan dijangka berkembang 5.7% (2005: 6.5%) dengan semua subsektornya mencatat pertumbuhan positif. Sektor pembuatan dijangka merekodkan pertumbuhan mantap sebanyak 7.3% pada tahun 2006 (2005: 5.1%). Trend peningkatan dalam permintaan elektronik global akan memberi

kesan positif kepada eksport produk elektrik dan elektronik (E&E) Malaysia dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan pengeluaran pembuatan yang lebih kukuh. Sektor pertanian terus mendapat manfaat daripada usaha Kerajaan untuk mengubah dan memodenkan sektor ini kepada sektor yang lebih berdaya maju, berskala besar dan komersial. Nilai ditambah sektor pertanian dijangka meningkat dengan pesat sebanyak 5.3% (2005: 2.5%) didorong oleh peningkatan pengeluaran getah, pertambahan kukuh hasil ternakan dan tanaman makanan serta peningkatan semula output subsektor perikanan. Harga komoditi yang lebih tinggi terutama getah dan kelapa sawit telah membantu meningkatkan dengan ketara pendapatan kira-kira 490,000 pekebun kecil. Sebagai contoh, pekebun kecil getah dengan purata kebun seluas 5.6 hektar, dijangka memperoleh pendapatan RM3,800 sebulan pada tahun 2006 berbanding RM2,500 pada tahun 2005. Dasar dan strategi Kerajaan ke arah meningkatkan pengeluaran makanan juga membantu sektor pertanian untuk terus berkembang. Nilai ditambah sektor perlombongan pula dijangka meningkat pada kadar 2.4% (2005: 0.8%) disokong oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sektor pembinaan dijangka pulih dengan mencatat pertumbuhan positif pada kadar 0.7% (2005: -1.6%), terutamanya berikutan kerja-kerja pembinaan sektor awam dan aktiviti kejuruteraan awam sektor swasta yang dijangka berkembang pada separuh kedua tahun ini.

Sejajar dengan pertambahan peluang pekerjaan berikutan pengembangan aktiviti ekonomi domestik, kadar pengangguran dijangka kekal di bawah 4% pada tahun ini, menunjukkan keadaan guna tenaga penuh sejak tahun 1992. Usaha berterusan sedang dilaksanakan untuk meningkatkan bilangan pekerja mahir, mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dan meningkatkan peluang mendapatkan pekerjaan bagi mereka yang baru memasuki pasaran buruh.

Malaysia terus merekodkan lebih akaun semasa yang besar bagi sembilan tahun berturut-turut disokong oleh peningkatan berterusan dalam eksport barangan pembuatan dan komoditi, berikutan dengan perkembangan luar yang terus positif. Dengan kemasukan modal asing yang berterusan, imbalan pembayaran (BOP) keseluruhan dijangka terus mencatat lebih pada tahun 2006 dan mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi serta memantapkan keyakinan pelabur. Selaras dengan kecergasan aktiviti ekonomi, Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal dijangka bertambah 11.6% kepada RM525,853 juta dengan pendapatan per kapita meningkat 9.4% kepada RM19,739 (2005: 10.7%; RM471,331 juta; 8.4%; RM18,039). Mengambil kira kadar pertukaran matawang dan paras inflasi, pendapatan per kapita dari segi pariti kuasa beli (PPP) dianggarkan meningkat 11.8% kepada USD11,871 pada tahun 2006 (2005: 9.2%; USD10,614).

Teras utama polisi makroekonomi pada tahun 2006 bertujuan untuk meningkatkan lagi daya saing negara dan kemantapan ekonomi, di samping menjaga pertumbuhan yang berkualiti. Kerajaan terus memberi tumpuan kepada keperluan ekonomi yang semakin berkembang, di samping mengekalkan kemantapan dan fleksibiliti dalam menangani cabaran global dan domestik dalam jangka sederhana serta pada masa yang sama mengukuhkan lagi asas ekonomi untuk pembangunan mapan dalam jangka panjang. Langkah yang dilaksanakan terus menyokong dan membantu sektor swasta menjadi pemacu utama pertumbuhan.

Pengurusan kewangan yang berhemat akan terus diberi penekanan dengan penumpuan yang lebih kepada akauntabiliti serta perbelanjaan peruntukan Kerajaan yang efektif. Bagi memudah

dan merangsang aktiviti sektor swasta, langkah yang diambil termasuklah menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, memberi insentif cukai, memodenkan sektor pertanian, mengenal pasti dan membangunkan sumber pertumbuhan baru serta meningkatkan pelaburan bagi modal insan. Kerajaan akan terus mengkaji semula, memperkemas dan menambahbaik mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian bagi memastikan semua program dan projek Kerajaan dilaksanakan secara efektif mengikut masa yang ditetapkan.

Sementara itu, dasar monetari pada tahun 2006 kekal akomodatif untuk terus menyokong aktiviti ekonomi, di samping mengekalkan kestabilan harga. Walaupun kadar dasar semalaman (OPR) meningkat tiga kali sejak November 2005, dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan ekonomi. Perubahan OPR adalah untuk menyelaraskan kadar faedah bersesuaian dengan persekitaran ekonomi semasa dan terus kekal di bawah kadar neutralnya, tanpa mengekang pertumbuhan ekonomi. Indeks Harga Pengguna (IHP), walau bagaimanapun, telah meningkat berikutan perubahan harga runcit produk petroleum akibat harga minyak mentah yang lebih tinggi. Namun begitu, inflasi dijangka dapat dikawal berikutan peningkatan produktiviti pekerja serta pengukuhan nilai ringgit.

Kadar pertukaran ringgit terus kukuh berbanding dolar Amerika (USD). Sejak peralihan kepada rejim apungan terurus pada 21 Julai 2005, nilai ringgit kini ditentukan oleh keadaan pasaran dan asas ekonomi. Nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding USD telah disokong oleh prestasi perdagangan yang teguh, kemasukan modal yang berterusan dan prospek ekonomi yang positif. Dalam keadaan tekanan inflasi semasa, pengukuhan ringgit akan membantu mengurangkan inflasi melalui import barangan dan perkhidmatan yang lebih murah.

Inisiatif dasar jangka panjang utama yang akan dilaksanakan pada tahun ini merangkumi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), 2006-2010 dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3), 2006-2020. RMKe-9 bertujuan untuk mencapai tahap ekonomi yang lebih kukuh dan nilai ditambah yang lebih tinggi, di samping memberi lebih penekanan kepada isu sosioekonomi dan kualiti

hidup yang lebih baik bagi semua penduduk. Misi Nasional sebagaimana terkandung dalam RMKe-9, menyediakan rangka kerja bagi perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan negara bagi tempoh 15 tahun yang akan datang untuk mencapai matlamat Wawasan 2020. IMP3 pula menyediakan hala tuju strategik bagi terus menerajui pertumbuhan dan daya saing sektor pembuatan dan industri perkhidmatan berkaitan pembuatan.

Momentum pertumbuhan pada tahun 2006 dijangka terus kukuh dalam tahun 2007 pada kadar 6%, disokong oleh asas ekonomi domestik yang teguh dan suasana perniagaan yang kondusif. Namun begitu, masih wujud beberapa cabaran utama. Harga minyak mentah yang berterusan tinggi, kenaikan kadar faedah antarabangsa, ketidakseimbangan ekonomi global dan ketegangan geopolitik boleh menjejaskan pertumbuhan dan perdagangan dunia. Berdasarkan kepada cabaran ini, disokong oleh pendapatan berasaskan minyak yang bertambah baik, membolehkan Kerajaan terus melaksanakan strategi belanjawan untuk menyokong aktiviti ekonomi domestik.

Pengamatan Prestasi

Bajet 2006 telah dirangka dengan tumpuan kepada empat strategi umum: melaksanakan dasar Kerajaan yang proaktif, menyediakan persekitaran mesra niaga, membangunkan modal insan dan meningkatkan kualiti hidup, selaras dengan tema “**Membina Ketahanan, Menghadapi Cabaran**”.

Pengurusan Dasar Fiskal 2006

Peranan aktif Kerajaan dalam meningkatkan aktiviti ekonomi tidak menjejaskan usaha konsolidasi fiskal, berikutan prestasi ekonomi yang kukuh dan hasil berkaitan petroleum yang semakin meningkat. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan dijangka terus berkurangan kepada 3.5% daripada KDNK pada tahun 2006, dengan nisbah khidmat hutang terus kekal rendah dan terkawal. Paras ini selaras dengan objektif keseluruhan strategi makroekonomi bagi mengukuhkan momentum pertumbuhan tanpa

memberi tekanan kepada pembiayaan Kerajaan atau kedudukan hutangnya. Sebahagian besar keperluan pembiayaan Kerajaan terus diperolehi daripada sumber tempatan, tanpa menjejaskan keupayaan sektor swasta mendapatkan dana.

Hasil Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM120,625 juta berbanding RM114,569 juta sebagaimana dianggarkan semasa Bajet 2006 berikutan pendapatan berasaskan minyak yang bertambah baik yang meningkat kepada RM45,002 juta atau 37.3% daripada jumlah keseluruhan pendapatan negara. Penambahbaikan berterusan dalam pentadbiran cukai, terutamanya langkah untuk mengurangkan ketirisan dan penguatkuasaan yang lebih baik, telah menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil. Bagi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan, sebahagian besar perbelanjaan mengurus adalah untuk perbelanjaan terikat seperti emolumen, bayaran khidmat hutang, pindahan serta bekalan dan perkhidmatan. Di samping itu, perbelanjaan mengurus terus memberi tumpuan ke atas program dan projek yang bertujuan menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan bagi meningkatkan daya saing ekonomi dan keseluruhan kecekapan. Bagi perbelanjaan pembangunan, keutamaan diberi untuk membina kapasiti dari segi infrastruktur dan utiliti, pembangunan luar bandar dan pertanian serta pembangunan modal insan.

Memperkasakan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana

Usaha terus ditumpukan bagi memajukan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk membolehkannya menjadi pemangkin pertumbuhan. Langkah tersebut secara khususnya telah ditumpukan kepada pengukuhan infrastruktur sokongan, bina upaya dan peningkatan akses kepada pembiayaan bagi PKS. Satu inisiatif utama yang terbaru dilaksanakan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan untuk mempercepatkan pembangunan PKS adalah Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan yang menggariskan objektif, sasaran dan strategi, pelan tindakan dan program Kerajaan bagi tahun 2006. Satu gerbang maklumat sehati dalam talian bagi PKS, iaitu Portal infoPKS, telah dilancarkan pada Februari 2006. Portal ini menyediakan maklumat komprehensif

mengenai akses kepada pembiayaan, perkhidmatan sokongan sedia ada termasuk khidmat nasihat, program latihan, maklumat pemasaran serta peluang perniagaan dan jaringan hubungan.

Kemudahan infrastruktur tersebut sebahagian besarnya telah dimanfaatkan oleh PKS seperti yang ditunjukkan oleh penggunaan tinggi tabung-tabung khusus PKS yang sedia ada. Bagi menyediakan akses pembiayaan yang lebih kepada PKS, saiz dana Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) telah ditambah. Selain daripada tabung khusus PKS, sektor perbankan juga terus menyediakan keperluan pembiayaan PKS, di mana pinjaman kepada PKS telah memacu pertumbuhan pinjaman sektor perniagaan. Pada akhir Jun 2006, pinjaman kepada PKS adalah berjumlah 44.4% daripada pinjaman sektor perniagaan dan 17.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul sistem perbankan. Institusi perbankan juga telah melancarkan dua produk baru pembiayaan perdagangan, iaitu Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Mata Wang dan Skim Pembiayaan Pengeksport Tidak Langsung, bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan PKS di pasaran eksport.

Sementara itu, SME Bank yang dikhususkan untuk PKS telah memulakan operasi pada 3 Oktober 2005 serta aktif membangunkan PKS. Sebagai pusat sehati perkhidmatan pembiayaan, SME Bank lebih memahami keperluan perniagaan dan pembiayaan PKS. Dalam tempoh enam bulan pertama 2006, SME Bank telah meluluskan pinjaman sebanyak RM861 juta dan RM606 juta daripadanya telah dikeluarkan kepada PKS, terutamanya bagi industri pembuatan, pembinaan, perhotelan dan restoran.

Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan juga meluluskan rangka kerja institusi pembiayaan mikro bagi memastikan PKS, terutamanya perusahaan mikro terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi. Sehubungan itu, Bank Simpanan Nasional akan dijadikan institusi pembiayaan mikro yang khusus sementara Bank Pertanian Malaysia akan menyediakan pembiayaan mikro kepada aktiviti pertanian dan berasaskan tani. Koperasi kredit yang juga menyediakan pembiayaan mikro akan diperkukuhkan melalui penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Memodenkan Sektor Pertanian

Malaysia telah berjaya menggunakan sumber tanah yang subur, iklim yang sesuai dan kepakaran pengurusan untuk memajukan tanaman perladangan seperti kelapa sawit, getah dan koko. Pengalaman serta kepakaran tersebut telah digunakan untuk memodenkan sektor pertanian bukan perladangan, terutamanya pengeluaran makanan. Pengeluaran komersial makanan berskala besar telah dijalankan melalui pembangunan taman kekal pengeluaran makanan. Sehingga akhir Jun 2006, 28 taman kekal pengeluaran makanan telah dibangunkan, meliputi kawasan seluas 2,007 hektar dan melibatkan seramai 319 usahawan tani. Taman ini melibatkan pelbagai aktiviti yang meliputi tanaman makanan, akuakultur dan pemeliharaan haiwan ternakan bagi keperluan domestik dan juga eksport.

Selain daripada taman kekal pengeluaran makanan, projek berimpak tinggi lain yang dikenal pasti di bawah RMKe-9 adalah Zon Perindustrian Akuakultur dan pembentukan 10,000 usahawan industri berasaskan pertanian. Zon Perindustrian Akuakultur akan mula dilaksanakan di Sungai Chemor, Terengganu. Zon ini akan meliputi kawasan seluas 2,800 hektar dengan anggaran hasil sebanyak 9,000 tan metrik dengan nilai pasaran sebanyak RM46 juta. Kaedah pelaksanaan ini adalah berasaskan konsep syarikat peneraju yang disokong oleh satu kluster yang merangkumi 240 usahawan akuakultur.

Memandangkan terdapat keperluan untuk membangunkan usahawan tani, Kerajaan telah menyediakan rangka kerja bagi pembangunan usahawan makanan berasaskan pertanian di seluruh negara. Kerajaan akan memberi tumpuan ke atas penyediaan infrastruktur asas serta insentif, di samping membangunkan pekerja mahir bagi sektor pertanian untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan projek.

Kerajaan terus memberi keutamaan untuk meningkatkan produktiviti serta memperbaiki kualiti pengeluaran makanan bagi pasaran domestik dan eksport. Untuk tujuan ini, Tabung untuk Makanan (3F) telah ditambah sebanyak RM300 juta di bawah Bajet 2006 kepada jumlah

RM1,300 juta dana sedia ada untuk memberi pembiayaan dengan kos yang munasabah, terutamanya kepada PKS yang terlibat dengan projek pengeluaran dan aktiviti berkaitan pemprosesan makanan. Pada penghujung Julai 2006, pinjaman berjumlah RM1,742 juta telah diluluskan, di mana RM1,624 juta dikeluarkan kepada 10,094 pemohon yang berjaya.

Di samping itu, Kerajaan telah mengenal pasti pengeluaran makanan halal sebagai sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian. Pengeluaran makanan halal terus digalakkan berdasarkan kepada potensinya yang besar di pasaran eksport halal. Sebagai permulaan, kawasan yang mempunyai infrastruktur dan kemudahan pemprosesan yang sesuai telah dikenal pasti bagi pembinaan zon pengeluaran makanan halal. Sehingga kini, dua zon sedemikian sedang beroperasi di Selangor dan Johor meliputi kawasan seluas 432 hektar. Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) yang ditubuhkan baru-baru ini akan menjadi pemacu dan penyelaras utama bagi semua inisiatif mempromosi Malaysia sebagai hab global bagi pengeluaran dan pengagihan produk halal. Pameran Perdagangan Antarabangsa Halal Malaysia (MIHAS) dan Forum Halal Sedunia (WHF) yang dianjurkan setiap tahun juga merupakan inisiatif untuk mempromosi pertumbuhan industri halal. MIHAS dan WHF memberi peluang kepada pengeluar produk dan pembekal perkhidmatan halal dari seluruh dunia untuk menjalin usaha sama dan perkongsian strategik dalam perdagangan produk halal dunia yang semakin berkembang.

Sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian yang masih belum dieksploitasi sepenuhnya termasuklah pemeliharaan ikan hiasan, pembiakan rumpai laut dan penangkapan ikan laut dalam termasuk ikan tuna. Pemeliharaan ikan hiasan sedang diusahakan di tiga kelompok kawasan mengikut pengkhususan dan spesies ikan tertentu, menyumbangkan kepada peningkatan nilai pasaran ikan hiasan daripada RM72 juta pada tahun 2000 kepada RM103 juta pada tahun 2005. Pengeluaran rumpai laut juga meningkat dengan ketara berikutan pembiakan secara agresif berdasarkan konsep estet, terutamanya di persisiran luar Sabah. Di samping itu,

penggabungan antara aktiviti pengeluaran dan pemprosesan telah memacu lagi peningkatan pengeluaran rumpai laut.

Usaha berterusan untuk membangunkan biodiesel berasaskan minyak sawit akan menggalakkan lagi pertumbuhan industri asas tani. Beberapa syarikat telah mengguna teknologi yang dibangunkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi memproses minyak sawit kepada biodiesel sawit (*methyl ester*) untuk dieksport. Di samping itu, ENVO Diesel yang merupakan campuran 5% minyak sawit yang diproses dan 95% diesel petroleum, telah dipromosikan untuk kegunaan tempatan dalam usaha meningkatkan kegunaan bahan api alternatif bagi mengurangkan ketergantungan kepada petroleum. Sementara itu, Dasar Biofuel Nasional akan menyediakan strategi dan rangka kerja perundangan untuk penyelarasan dan pembangunan industri biofuel secara komprehensif. Polisi ini juga bertujuan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat industri minyak sawit global.

Merancang Sektor Perkhidmatan

Berdasarkan kepada potensi besar yang dapat diperoleh daripada sektor perkhidmatan, Kerajaan telah memberi tumpuan untuk membangunkan sektor ini sebagai pemacu utama pertumbuhan dan sumber pekerjaan, dengan penekanan khusus diberi kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi dalam subsektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pelancongan dan pengangkutan. Dalam subsektor ICT, Koridor Raya Multimedia telah diberi penjenamaan semula sebagai Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC Malaysia) bagi menggambarkan statusnya sebagai projek nasional serta untuk menambah baik dan menyuntik semangat baru selaras dengan pembangunan domestik dan luar negara. Sementara itu, agensi pengurusanannya, Perbadanan Kemajuan Multimedia telah menggunakan nama singkatan baru MDeC dengan memberi fokus yang lebih luas ke atas peranannya sebagai penggerak untuk melaksanakan agenda ICT negara bersama dengan sektor awam dan swasta yang berkaitan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 2006, sebanyak 131 syarikat telah diberi status MSC Malaysia, menjadikan jumlah keseluruhan

sebanyak 1,552 syarikat. Secara keseluruhannya, syarikat-syarikat ini akan dapat menyediakan kira-kira 48,240 pekerjaan bernilai tinggi pada tahun 2006 (2005: 44,170 pekerjaan). Dalam tempoh yang sama, pelaksanaan MSC Malaysia telah diteruskan ke Melaka dan Johor serta akan diperluaskan lagi ke Perak sebelum penghujung tahun ini.

Sebagai komponen utama MSC Malaysia, Cyberjaya akan terus dibangunkan sebagai hab ICT nasional serta pusat inovasi multimedia, perkhidmatan dan operasi. Pada tahun ini, usaha telah dipergiatkan lagi untuk terus membangun dan meningkatkan kemudahan dan infrastruktur. Ini termasuk penyediaan sistem pengangkutan awam khusus, lebih banyak tempat kediaman dan kemudahan sosial. Akses internet telah dipertingkatkan dengan sambungan internet tanpa wayar berkelajuan tinggi bagi memberi liputan yang lebih luas kepada keseluruhan kawasan. Insentif tambahan telah diperkenalkan bagi menarik lebih banyak syarikat berstatus MSC Malaysia beroperasi di Cyberjaya. Dengan insentif ini, bangunan baru di Cyberjaya akan menikmati Elaun Bangunan Industri (IBA) selama tempoh 10 tahun.

Di samping menarik syarikat ICT, Malaysia juga telah muncul sebagai destinasi global bagi perkhidmatan perkongsian dan penyumbangan luar (SSO). Pada akhir Jun 2006, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah meluluskan penubuhan 2,176 pusat operasi serantau. Ini termasuk 115 ibu pejabat operasi (OHQ), 187 pusat perolehan antarabangsa (IPC) dan 13 pusat pengedaran serantau (RDC) serta selebihnya adalah pejabat serantau (RO) dan pejabat perwakilan (RE). Bagi meningkatkan pendedahan antarabangsa ke atas potensi Malaysia di dalam industri SSO, *Outsourcing Malaysia* (OM) telah dilancarkan pada awal Mei 2006 semasa Kongres Dunia Mengenai Teknologi Maklumat (WCIT) yang diadakan di Texas. OM merupakan inisiatif kerjasama antara Kerajaan dan industri meliputi MDeC, Persatuan Komputer dan Industri Multimedia Malaysia (PIKOM), Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) dan pihak industri yang berkaitan. Fokus OM adalah pembangunan perniagaan, penjenamaan dan pemasaran serta bina upaya syarikat SSO di negara ini. Pada masa yang sama, Malaysia telah memulakan usaha untuk menubuhkan Perkongsian Antarabangsa

Pelbagai Hala Membanteras Keganasan Siber (IMPACT). Inisiatif ini membolehkan Kerajaan dan komuniti perniagaan antarabangsa untuk saling bekerjasama bagi meningkatkan keselamatan siber. IMPACT yang ditempatkan di Cyberjaya akan memberi fokus kepada persijilan keselamatan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan membangunkan pusat respons kecemasan antarabangsa.

Untuk menyemarakkan lagi industri komunikasi dan multimedia tempatan serta memacu daya saingnya di peringkat global, Kerajaan telah melancarkan strategi Informasi, Komunikasi dan Perkhidmatan Multimedia Malaysia 886 (MyICMS 886) pada Disember 2005. Strategi tersebut yang meliputi tempoh selama lima tahun merangkumi penyediaan **lapan** perkhidmatan, menggunakan **lapan** infrastruktur utama di dalam **enam** bidang pertumbuhan. Bidang perkhidmatan tersebut merangkumi aspek jalur lebar berkelajuan tinggi, penyiaran multimedia digital dan penyediaan perkhidmatan universal (USP). Infrastruktur pula antara lain meliputi *hard infrastructure* seperti rangkaian selular teknologi generasi ketiga (3G) dan *soft infrastructure* seperti rangkaian keselamatan dan maklumat. Sementara itu, tumpuan bidang pertumbuhan merangkumi pembangunan kandungan, hab pendidikan ICT dan peralatan serta komponen terkandung. Pemberian dua lagi lesen 3G pada Mac 2006 juga dijangka meningkatkan aktiviti dalam subsektor telekomunikasi.

Dengan ketibaan pelancong seramai 16.4 juta yang menyumbang kepada perolehan pertukaran asing sebanyak RM31.9 bilion pada tahun 2005, industri pelancongan telah menjadi salah satu sumber utama pendapatan pertukaran asing. Untuk terus merealisasikan potensi industri ini dengan sepenuhnya, Kerajaan telah mensasarkan 2007 sebagai Tahun Melawat Malaysia (TMM) bersempena dengan sambutan ulang tahun Kemerdekaan Malaysia yang ke-50. Kempen TMM 2007 yang dilancarkan pada Januari 2006, disasarkan untuk menarik pelancong dari pasaran jarak dekat seperti dari rantau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), pasaran jarak sederhana seperti negara Asia Timur, India dan negara Teluk serta pasaran jarak jauh seperti Eropah dan Amerika Utara. Usaha promosi ini dijangka menarik 17.5 juta pelancong pada tahun 2006 dan 20.1 juta pelancong pada tahun 2007.

Pelancongan kesihatan dan pendidikan juga telah diberi lebih penekanan. Prosedur imigresen yang bertambah ringkas, koordinasi yang lebih baik antara agensi kerajaan, operator penerbangan dan pembekal perkhidmatan yang berkaitan, membolehkan kemasukan pelancong bagi tujuan kesihatan dan pendidikan telah bertambah mudah. Satu unit khas telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memberi fokus yang lebih tinggi kepada pelancongan kesihatan serta membangunkan Malaysia sebagai pusat serantau perkhidmatan penjagaan kesihatan. Bagi menggalakkan pelancongan pendidikan, insentif cukai telah diberi kepada institusi pendidikan swasta bertujuan meningkatkan kualiti dan mempelbagaikan kursus yang ditawarkan.

Berkaitan dengan pengangkutan udara, pelan rasionalisasi laluan udara domestik baru-baru ini dijangka membantu Malaysia Airlines (MAS) dan AirAsia Berhad menjadi lebih kompetitif dengan menggunakan kelebihan mereka dalam bidang khas masing-masing. Segmentasi antara pasaran tambang premium dan murah akan memastikan persaingan yang sihat bagi mewujudkan perkhidmatan udara yang efisien serta murah dalam sektor penerbangan domestik. Berkuat kuasa 1 Ogos 2006, Fly Asian Xpress Sdn. Bhd. (FAX) telah menjalankan operasi perkhidmatan penerbangan luar bandar di Sabah dan Sarawak, di mana AirAsia Berhad mengurus dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada FAX. Perkembangan lain dalam sektor pengangkutan ialah pembukaan terminal penerbangan tambang murah (LCCT) di Sepang pada Mac 2006 bagi memenuhi jumlah pelancong bajet yang bertambah.

Mengukuhkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan

Langkah mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan terus diberi perhatian bagi melaksanakan dasar Kerajaan yang proaktif. Strategi yang lebih teratur telah dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan yang efisien, efektif dan memuaskan kepada orang awam serta menggalakkan aktiviti sektor swasta. Penambahbaikan yang berterusan ke atas sistem penyampaian perkhidmatan telah dilaksanakan melalui pemantapan pengurusan daerah dan

pihak berkuasa tempatan, memudahkan peraturan dan prosedur rangka kerja kawal selia serta meningkatkan penggunaan pelbagai saluran elektronik bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada orang awam. Langkah lain termasuk memberi lebih penurunan kuasa, meningkatkan tahap profesionalisme, melaksanakan penunjuk prestasi utama (KPI) di agensi yang berurusan terus dengan orang ramai serta mengisi kekosongan di kementerian dan agensi yang strategik.

Penambahbaikan di atas, antara lain, membantu mempercepatkan proses kelulusan dan pembayaran, dengan ini mewujudkan suasana yang lebih kondusif bagi sektor swasta menjalankan perniagaan. Pada Disember 2005, Kerajaan melancarkan portal *myGovernment*, bagi membolehkan orang awam mengakses terus kepada pelbagai perkhidmatan dalam talian melalui hanya satu saluran. Portal ini menyediakan hubungan kepada 900 laman web agensi Kerajaan, menawarkan sebanyak 388 perkhidmatan dalam talian dan 3,285 borang muat turun. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memperkenalkan sistem taksiran secara elektronik (*e-filing*) bagi taksiran cukai individu untuk tahun taksiran 2005, bagi membolehkan pembayar cukai mengisi borang taksiran cukai pendapatan dengan mudah dan cepat. Pasport baru pula dapat dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dalam masa tiga hari, sementara pembaharuan dalam tempoh 24 jam. Kios *e-Passport* juga ditempatkan di lokasi yang strategik bagi memudahkan proses pembaharuan. Contoh lain peningkatan perkhidmatan Kerajaan melalui ICT ialah aplikasi e-Hakmilik, e-Daftar dan e-Insurans yang diperkenalkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bagi memudah dan mempercepatkan pendaftaran kenderaan dan pembayaran cukai jalan.

Bagi pentadbiran daerah, penambahbaikan yang ketara telah dicapai melalui usaha meningkatkan jumlah kakitangan dan perubahan proses kerja. Sejumlah 334 jawatan telah diisi bagi mengurus pusat sehenti yang ditubuhkan di semua pihak berkuasa tempatan untuk menyegerakan pengeluaran lesen dan permit serta fi taksiran dan denda. Unit Pasukan Tindakan Khas telah ditubuhkan pada tahun 2003 di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bagi menangani kes tertunggak

pentadbiran tanah disemua pejabat tanah. Pada tahun 2006, sejumlah 600 kakitangan tambahan telah diambil bagi memperkukuhkan keupayaan Pasukan Tindakan Khas yang telah membawa kepada kemajuan besar dalam menyelesaikan kes tertunggak pentadbiran tanah. Pada akhir Julai 2006, 44.7% daripada jumlah 254,200 kes tertunggak bagi pemberian hak milik tanah di negara ini telah berjaya diselesaikan. Semua kes tertunggak di Pulau Pinang, Melaka dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diselesaikan. Berhubung dengan pemberian hak milik strata, 84.6% daripada jumlah skim pembangunan yang tertunggak telah berjaya ditangani.

Di samping itu, pelbagai usaha telah diambil bagi memudahkan kemasukan para profesional dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab global ICT dan multimedia. Jabatan Imigresen telah mempercepatkan pengeluaran permit pekerjaan dan pas lawatan profesional, terutama bagi pekerja berpengetahuan dan profesional di dalam bidang ICT, kewangan dan industri berteknologi tinggi. Sebagai contoh, pusat sehenti telah ditubuhkan di MDeC bagi membantu pekerja berpengetahuan dan profesional yang bekerja di syarikat berstatus MSC Malaysia.

Penambahbaikan lain dalam sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan juga dilaksanakan di dalam Program Malaysia Rumah KeduaKu (MM2H). Penambahbaikan ini termasuk pengukuhan pusat sehenti bagi mudah dan menyelaraskan permohonan serta menyegerakan kelulusan dan melanjutkan tempoh pas lawatan sosial dengan visa keluar-masuk daripada lima tahun kepada sepuluh tahun, pengecualian kelulusan daripada Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) bagi pembelian harta kediaman dan fleksibiliti untuk mengeluarkan sebahagian daripada deposit tetap yang disyaratkan selepas tempoh satu tahun. Dengan insentif menarik yang disediakan, penyertaan di dalam Program MM2H telah meningkat seramai 2,058 peserta bagi tempoh enam bulan pertama 2006, menjadikan jumlah peserta seramai 9,914 sejak dilancarkan pada 1996. Daripada jumlah tersebut, 21.1% adalah dari Bangladesh diikuti oleh China (20%), Britain (9.1%), Taiwan (6.4%) dan Singapura (5.8%). Antara inisiatif lain ialah lebih banyak pejabat atase imigresen dijangka akan dibuka untuk menggalakkan lebih ramai kemasukan pelancong dari negara China dan India.

Transformasi Sistem Kewangan

Transformasi sektor kewangan terus dilaksanakan secara progresif berikutan inisiatif penstrukturan dan pembaharuan sejak krisis kewangan Asia. Langkah yang diambil termasuk rasionalisasi institusi sedia ada serta penubuhan institusi baru dan pengenalan persaingan asing. Pembubaran Danaharta pada Disember 2005 seperti yang dijadual, menandakan kejayaan menyempurnakan penstrukturan semula sektor kewangan yang dimulakan pada tahun 1998. Usaha penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan menjadi entiti tunggal telah berjaya dilaksanakan pada Januari 2006, membawa kepada penggunaan modal dan sumber yang lebih efisien serta meningkatkan keupayaan dan kemampuan untuk berhadapan dengan permintaan pengguna yang berbeza dan canggih. Satu lagi inisiatif strategik melibatkan pembangunan bank pelaburan melalui penggabungan antara bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun. Proses transformasi kepada bank pelaburan ini dijangka selesai pada akhir tahun 2006.

Landskap kewangan juga telah menyaksikan integrasi serantau dan antarabangsa yang lebih meluas. Tiga institusi kewangan Islam asing telah diluluskan untuk menjalankan operasi perbankan Islam di Malaysia, di mana satu daripadanya telah pun beroperasi. Di samping itu, had penyertaan asing telah dinaikkan daripada 30% kepada 49% bagi subsidiari Islam, bank pelaburan dan pengendali takaful. Institusi perbankan asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia juga dibenarkan menubuhkan empat cawangan tambahan dalam tempoh satu tahun berkuat kuasa 1 Januari 2006. Beberapa institusi kewangan tempatan juga telah menembusi pasaran asing dan kini beroperasi di sebanyak 20 buah negara.

Usaha terus diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam. Inisiatif utama ialah penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) pada Mac 2006 bagi membangunkan modal insan untuk industri kewangan Islam. Sementara itu, industri takaful dijangka berkembang dengan kemasukan empat pengendali takaful baru pada tahun 2006.

Berikutan pelaksanaan beberapa langkah untuk memperkukuhkan sektor perbankan, kini sektor perbankan domestik lebih berdaya tahan dan berdaya saing serta lebih berupaya untuk beroperasi dalam persekitaran liberalisasi dan persaingan yang meningkat. Setakat ini, institusi perbankan domestik menyumbang sebanyak 78% daripada keseluruhan pinjaman, 68.3% daripada pinjaman perumahan, 84.7% daripada pinjaman PKS dan 78.3% daripada pinjaman perniagaan. Perlindungan pengguna di Malaysia telah diperkukuhkan dengan penubuhan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada Ogos 2005 dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada April 2006. PIDM melindungi penyimpan dengan menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit di institusi perbankan serta menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. AKPK pula menyediakan secara percuma khidmat nasihat, kaunseling dan bantuan kepada individu berkaitan dengan kredit, pengurusan kewangan dan pendidikan serta penstrukturan semula hutang.

Membina Pasaran Modal Bertaraf Dunia

Pasaran modal merupakan komponen penting kepada sistem kewangan negara dengan nilai berjumlah RM1.1 trilion pada akhir tahun 2005. Daripada jumlah ini, sebanyak RM695 bilion adalah pasaran ekuiti manakala pasaran hutang sebanyak RM416 bilion. Langkah yang telah diambil sejak beberapa tahun lalu terutama di bawah Pelan Induk Pasaran Modal (CMP) telah menyumbang kepada pembangunan pasaran modal yang efisien, berdaya tahan, dinamik dan berdaya saing untuk terus menyokong kegiatan ekonomi. Pasaran bon negara dengan nilai terkumpul sebanyak USD119,765 juta pada akhir Jun 2006 adalah yang terbesar di Asia Tenggara. Malaysia terkenal sebagai pasaran modal Islam di peringkat antarabangsa dan merupakan penerbit bon Islam antara yang paling aktif di dunia. Malaysia juga berjaya menarik agensi supranasional untuk menerbitkan bon berdenominasikan ringgit yang mematuhi syariah dalam pasaran modal tempatan. Di samping itu, persaingan dan integrasi antarabangsa

telah dipertingkatkan dengan kewujudan lima broker asing dan satu pengurus dana asing di Malaysia sejak akhir tahun 2005.

Antara inisiatif baru yang diambil untuk membangunkan Malaysia sebagai sebuah pasaran modal bertaraf dunia termasuk pengenalan penyenaraian syarikat asing. Syarikat asing boleh disenaraikan di Bursa Malaysia manakala syarikat Malaysia yang tersenarai di Papan Utama dibenarkan membuat penyenaraian sekunder di luar negara. Ini akan membolehkan syarikat tempatan membiayai penggabungan dan pengambilalihan yang merentasi sempadan melalui pasaran ekuiti. Di samping itu, inisiatif lain yang akan dijalankan termasuk penggabungan undang-undang sekuriti dan niaga hadapan serta pusat sehenti untuk memproses visa dan permit kerja bagi pekerja asing di sektor kewangan dipusatkan di BNM dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

Sebagai langkah untuk menggalakkan penyertaan pelabur global, Bursa Malaysia telah melancarkan Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia pada Jun 2006. Siri indeks baru ini dibangunkan dengan kerjasama kumpulan FTSE dengan memberi penekanan kepada investabiliti dan ketelusan. Selain dari menjadikan pasaran saham domestik lebih menarik, indeks baru ini juga akan membantu memacu kewujudan produk pelaburan baru, seperti dana dagangan bursa (ETF), produk baru derivatif dan urusan di atas kaunter (OTC).

Pengenalan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) pada tahun 2005 telah memberikan pelabur satu instrumen pelaburan alternatif serta membantu meningkatkan kecairan nilai harta tanah. Sehingga kini, terdapat lapan REIT yang telah disenaraikan dengan tiga lagi diluluskan tetapi belum disenaraikan. Jumlah urus niaga REIT meningkat dengan ketara mencecah RM342 juta pada tahun 2005 dan RM311 juta pada enam bulan pertama 2006. Langkah terkini yang membenarkan REIT mendapat had penggearan sehingga 50% daripada 35% sebelum ini dijangka merangsang minat baru terhadap REIT, di samping meningkatkan daya saing REIT Malaysia dengan REIT di bursa serantau.

Membangun Modal Insan

Memandangkan pembangunan modal insan merupakan satu daripada teras utama yang dikenal pasti dalam RMKe-9 bagi meningkatkan rantaian nilai ekonomi dan mengubahnya kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, langkah untuk meningkatkan kualiti modal insan akan terus diberi keutamaan. Bagi memperkasa pembangunan kapasiti, usaha akan dipertingkatkan untuk membangun modal insan yang berpengetahuan, mahir dan inovatif bagi memenuhi keperluan pasaran buruh yang sangat kompetitif. Selaras dengan objektif untuk memastikan penawaran tenaga kerja memenuhi keperluan industri yang sering berubah, usaha terus dilaksanakan untuk menambah baik sistem pendidikan dan latihan serta program pembelajaran sepanjang hayat bagi memudahkan orang awam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Selaras dengan ini, sistem pendidikan akan sentiasa dikaji semula dan diperbaharui. Program kurikulum dan kokurikulum akan sentiasa dinilai untuk membangun kreativiti, inovasi dan kemahiran berfikir di kalangan pelajar. Sekolah dan komuniti setempat akan terus memberi lebih tumpuan bagi pembentukan budaya pembelajaran sepanjang hayat. Pada masa yang sama, hubungan antara universiti dan industri akan diperkukuhkan bagi memastikan kursus yang ditawarkan kekal relevan kepada keperluan industri. Sebagai contoh, MDeC telah menubuhkan *MSC Malaysia K-Workers Development Institute* bagi menangani masalah kekurangan pekerja mahir yang dihadapi oleh syarikat berstatus MSC Malaysia. Institut ini bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi untuk membangunkan kemahiran yang diperlukan. Ia juga mempunyai program untuk menggalakkan syarikat MSC Malaysia mengambil graduan baru, membangun daya saing global pekerja berpengetahuan di MSC Malaysia dan membantu pelabur mengambil pekerja berpengetahuan.

Sebagai langkah berterusan untuk menyediakan peluang dan membangunkan modal insan yang mencukupi kepada negara, Kerajaan terus komited untuk menyediakan infrastruktur pembelajaran

dengan membina sekolah, universiti, kolej komuniti, politeknik dan kolej latihan. Sehingga kini, terdapat 18 universiti awam, 20 politeknik dan 34 kolej komuniti di negara ini. Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar setiap tahun bagi pembangunan modal insan. Selaras dengan peningkatan peruntukan bagi pendidikan dan latihan, peratusan penduduk mendapat peluang pendidikan di semua peringkat telah meningkat. Sebagai contoh, kadar enrolmen sekolah rendah meningkat daripada 92.1% pada tahun 2001 kepada 96% pada tahun 2005, sementara kadar enrolmen sekolah menengah juga meningkat daripada 77.7% kepada 79.3% dalam tempoh yang sama.

Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat ke atas pekerja mahir dan cekap, lebih banyak kursus latihan dan latihan semula telah disediakan oleh Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (PPKN). Program yang dijalankan oleh PPKN dijangka mengurangkan ketidakpadanan dalam kemahiran serta menambah peluang pekerjaan graduan. Pada akhir Jun 2006, seramai 14,727 pelatih telah mendapat faedah daripada kursus latihan kemahiran di bawah Program Pembangunan Kemahiran Teknikal (WTTP) dan Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP) yang ditawarkan oleh 12 PPKN di negara ini. Di samping itu, para majikan telah menggunakan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan pekerja mereka. Pada akhir Jun 2006, seramai 300,745 pekerja telah mendapat faedah daripada program ini.

Meneruskan Agenda Sosial

Kerajaan akan terus menangani jurang sosioekonomi bagi mengekalkan keharmonian dan kestabilan sosial yang merupakan satu komponen penting pembangunan ekonomi yang lebih pesat. Ia akan dilaksanakan melalui program pembasmian kemiskinan, penjanaaan pembangunan seimbang, terutama di kawasan kurang membangun dan memastikan manfaat pembangunan serta pertumbuhan diagih secara saksama. Kadar kemiskinan telah dikurangkan daripada 22.8% pada tahun 1990 kepada 5.7% pada tahun 2004. Walau bagaimanapun,

masih terdapat sebilangan kecil miskin tegar berjumlah kira-kira 67,300 isi rumah, yang sebahagiannya seramai 14,100 berada di kawasan bandar manakala 53,200 di luar bandar. Komitmen Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup adalah jelas dengan penetapan sasaran untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang tahun 2010.

Usaha gigih telah dilaksanakan untuk meningkatkan keupayaan menjana pendapatan bagi penduduk miskin di luar bandar. Selaras dengan ini, sejumlah RM100 juta telah disediakan di bawah Bajet 2006 untuk melaksanakan program peningkatan pendapatan, pembinaan kapasiti serta penyediaan latihan kemahiran di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Pada akhir Mei 2006, sejumlah RM7.7 juta telah dibelanjakan di bawah Program Peningkatan Pendapatan yang memberi faedah kepada 7,100 peserta baru. Sementara itu, 2,000 peserta lagi telah mendapat manfaat daripada program pembinaan kapasiti yang telah dilaksanakan melalui Program Pembangunan Minda Insan. Usaha berterusan juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan kebajikan golongan miskin di luar bandar melalui penyediaan rumah mampu milik. Daripada RM27 juta yang diperuntukkan pada tahun ini di bawah Program Bantuan Rumah, sejumlah RM6.4 juta telah dibelanjakan untuk memperbaiki rumah yang usang serta membina rumah baru.

Kerajaan kekal komited untuk memastikan kemudahan utiliti awam dapat dinikmati oleh orang ramai. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM140 juta pada tahun 2006 bagi meluaskan liputan bekalan elektrik luar bandar. Pada akhir Jun 2006, sebanyak 6,642 isi rumah lagi telah mendapat faedah daripada program bekalan elektrik luar bandar. Sementara itu, sejumlah RM151 juta telah diperuntukkan pada tahun ini untuk menyediakan dan menaik taraf kemudahan bekalan air di luar bandar yang telah memberi faedah kepada 32,216 isi rumah lagi pada akhir Jun 2006, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Di samping itu, usaha terus dilaksanakan untuk merapatkan jurang pengetahuan dan digital antara bandar dan luar bandar. Sehingga kini, 42 pusat

internet desa telah ditubuhkan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bagi menyediakan kemudahan ICT kepada komuniti luar bandar. Sejumlah 58 pusat pembangunan komunikasi komuniti juga telah dimulakan dan dibiayai oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi meningkatkan kemudahan akses komuniti kepada perkhidmatan dan kemudahan rangkaian. Sementara itu, 30 Medan InfoDesa telah dibangunkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan 12 lagi akan dilaksanakan sebelum penghujung tahun ini bagi menyediakan kemudahan komputer dan internet.

Pada masa yang sama, lebih banyak projek dan program akan disalurkan untuk membantu komuniti Orang Asli dan kumpulan kurang bernasib baik seperti golongan kurang upaya, warga emas dan ibu tunggal bagi memastikan mereka tidak tercicir daripada arus perdana pembangunan. Selaras dengan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM488 juta di bawah Bajet 2006 untuk menjalankan pelbagai program bagi memberi faedah kepada kumpulan sasar tersebut. Pada masa ini, bantuan kepada warga emas dan golongan miskin telah ditingkatkan daripada RM135 kepada RM200 sebulan sementara bantuan kepada anak yatim dan kanak-kanak miskin telah dinaikkan daripada RM80 kepada RM100 sebulan bagi setiap anak. Bantuan maksimum yang diberi kepada setiap keluarga telah ditingkatkan daripada RM350 kepada RM450 sebulan. Bagi meningkatkan kebajikan kanak-kanak di luar bandar, bantuan makanan harian kepada prasekolah (TABIKA) di bawah KEMAS telah dinaikkan daripada 60 sen kepada RM1.50 setiap pelajar.

Malaysia telah mencapai semua Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) kecuali dalam menangani HIV/AIDS. Sehubungan itu, Kerajaan kekal komited untuk menangani isu berkaitan dengan penularan jangkitan HIV/AIDS. Selaras dengan komitmen ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet berkaitan HIV/AIDS bagi menangani masalah ini. Sementara itu, Kerajaan telah meluluskan Pelan Strategi Nasional mengenai HIV/AIDS (2006-2010) pada April 2006 bagi meningkatkan penyelarasan dalam melaksanakan pendekatan multi-sektoral untuk mencegah HIV/AIDS.

MATLAMAT PEMBANGUNAN MILENIUM: PENCAPAIAN MALAYSIA

Latar Belakang

Pada September 2000, pemimpin-pemimpin dunia mengisytiharkan Deklarasi Milenium Bangsa-Bangsa Bersatu dengan azam untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi membebaskan penduduk dunia daripada belenggu kekejian dan kehinaan akibat kemiskinan melarat dan memberi komitmen untuk mencapai sasaran dan matlamat yang dikenali sebagai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) dalam tempoh yang ditetapkan. MDG yang mempunyai lapan matlamat untuk dicapai menjelang tahun 2015 adalah seperti berikut:

- i. ***membasmi kemiskinan melarat dan kelaparan*** – mengurangkan kepada separuh bilangan orang yang mempunyai pendapatan kurang daripada satu dolar Amerika sehari atau yang menderita kelaparan dalam tempoh 1990 dan 2015;
- ii. ***mencapai pendidikan rendah yang sejagat;***
- iii. ***menggalakkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita*** – menghapuskan jurang perbezaan gender di peringkat persekolahan rendah dan menengah, seboleh-bolehnya menjelang 2005, dan di semua peringkat pendidikan tidak lewat daripada 2015;
- iv. ***mengurangkan mortaliti kanak-kanak*** – mengurangkan kadar mortaliti di bawah umur lima tahun sebanyak dua pertiga dalam tempoh 1990 dan 2015;
- v. ***memperbaiki kesihatan ibu bersalin*** – mengurangkan nisbah mortaliti ibu bersalin sebanyak tiga perempat dalam tempoh 1990 dan 2015;
- vi. ***memerangi HIV/AIDS, malaria dan penyakit-penyakit lain*** – menyekat dan mengurangkan penularan jangkitan HIV/AIDS serta insiden malaria dan penyakit-penyakit utama lain menjelang 2015;
- vii. ***memastikan alam sekitar yang mapan*** – mengintegrasikan prinsip-prinsip pembangunan lestari dalam dasar dan program negara serta memulihkan kembali sumber alam sekitar dan mengurangkan kepada separuh menjelang 2015 bilangan orang yang tidak mendapat akses berterusan kepada sumber air yang selamat diminum dan kebersihan asas; serta memperbaiki secara signifikan kehidupan sekurang-kurangnya 100 juta penduduk setinggan menjelang 2020; dan
- viii. ***membina perkongsian global untuk pembangunan.***

MDG merupakan sebahagian daripada program kerja bukan sahaja oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tetapi juga Institusi-institusi Bretton Woods dan organisasi antarabangsa serta kumpulan lain seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Komanwel.

Kemajuan di Peringkat Global

Pencapaian sasaran MDG setakat ini kurang menggalakkan, terutamanya berdasarkan hakikat berikut:

- berjuta rakyat di sub-Sahara Afrika semakin dibelenggu kemiskinan dan berjuta lagi rakyat di kedua-dua sub-Sahara Afrika dan Asia Selatan menderita kebuluran sementara separuh daripada jumlah kanak-kanak di bawah umur lima tahun mengalami masalah kekurangan makanan;
- pendidikan rendah yang sejagat masih belum dicapai di sub-Sahara Afrika, Asia Selatan dan Oceania;

- wanita, yang sentiasa merupakan sebahagian kecil pekerja bergaji, sering bekerja tidak tetap dan bergaji rendah dan juga kurang memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan;
- 11 juta kanak-kanak – atau 30,000 sehari – meninggal dunia setiap tahun walaupun menghidap penyakit yang boleh dicegah dan dirawat;
- setengah juta wanita meninggal dunia setiap tahun sama ada semasa hamil atau sewaktu melahirkan anak;
- HIV/AIDS menjadi punca utama kematian lebih awal di sub-Sahara Afrika, sementara HIV tersebar pada kadar yang amat membimbangkan di negara Komanwel Negara Merdeka (CIS) dan sebahagian Asia, serta penyakit batuk kering (TB) semakin meningkat;
- kemusnahan alam sekitar berterusan dan sumber asli semakin berkurangan; dan
- negara maju tidak memenuhi komitmen untuk membantu negara membangun melalui bantuan dan tindakan meringankan beban hutang yang turut disertai dengan peluang perdagangan yang lebih baik, dan mempercepatkan proses pemindahan teknologi serta meningkatkan lagi peluang pekerjaan untuk golongan belia yang semakin bertambah di kawasan membangun.

Pencapaian Malaysia dalam MDG

Malaysia, yang menandatangani Deklarasi Milenium, telah mencapai kemajuan besar dalam usaha ke arah mencapai MDG yang selaras dengan agenda sosial dan ekonomi negara ke arah memperbaiki taraf hidup rakyat. Oleh yang demikian, pencapaian Malaysia dalam kesemua MDG adalah lebih awal dari sasaran tahun 2015, kecuali matlamat memerangi HIV/AIDS yang memerlukan tindakan yang lebih bersepadu.

Dalam usaha **membasmi kemiskinan dan kelaparan**, jumlah isi rumah yang hidup di bawah garis kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah dikurangkan dengan ketara daripada 49.3% pada 1970 kepada 3.6% pada 2004 (Malaysia: 5.7% pada 2004). Kerajaan terus komited untuk mencapai matlamat ini serta terus berusaha meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pendidikan rendah yang sejagat menyediakan asas dalam usaha Kerajaan menggembelng sumber manusia untuk mencapai status negara maju menjelang 2020. Pendidikan rendah percuma dan mudah diakses membolehkan negara mencapai matlamat pendidikan rendah yang universal pada 1990, iaitu lebih awal daripada yang disasarkan di bawah MDG. Pencapaian ini bukan sahaja dari segi bilangan pelajar malahan lebih penting lagi, 97% kanak-kanak sekolah rendah menamatkan persekolahan masing-masing. Kemudahan prasarana pendidikan dan perkhidmatan sokongan yang mencukupi telah membantu memastikan semua pihak, termasuk pelajar termiskin di luar bandar tidak terkecuali daripada peluang pendidikan. Akses kepada pembelajaran dipermudahkan melalui program khusus seperti skim pinjaman buku teks, program kesihatan sekolah, program susu sekolah, kemudahan asrama dan biasiswa serta bantuan kewangan lain.

Kerajaan akan terus **menggalakkan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita**. Melalui beberapa langkah yang telah diambil sejak 1970, jurang perbezaan gender bagi enrolmen di setiap peringkat persekolahan yang sebelum ini memihak kepada lelaki telah berjaya diatasi dengan ketara, malahan jumlah pelajar wanita di universiti-universiti awam kini mengatasi pelajar lelaki dengan nisbah melebihi 2:1. Di samping pendidikan, kepentingan dan kebajikan wanita juga diberi perhatian yang lebih khusus melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang ditubuhkan pada 2001. Kementerian ini telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan keseimbangan yang lebih baik antara tempat kerja, penjagaan anak dan

pengurusan rumah tangga di samping mengubah sikap lelaki terhadap perkongsian tanggungjawab kekeluargaan. Terdapat banyak program lain yang telah dilaksanakan khusus untuk memperkasakan wanita melalui pemberian kemudahan bantuan kewangan, latihan, perkhidmatan kesihatan dan undang-undang, serta penubuhan Jawatankuasa Kabinet mengenai Kesaksamaan Gender dan Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai Wanita.

Sistem penjagaan kesihatan asas yang sempurna meliputi imunisasi bayi dan pemakanan kanak-kanak beserta dengan pendidikan dan sistem kesihatan reproduktif yang lebih baik adalah kunci kejayaan Malaysia **mengurangkan dengan ketara kadar mortaliti bayi dan kanak-kanak**. Bagi kumpulan umur di bawah lima tahun, kadar mortaliti telah berkurangan daripada 57 setiap 1,000 kelahiran hidup pada 1970 kepada 17 pada 1990 dan 0.5 pada 2005.

Kesihatan ibu bersalin di Malaysia juga bertambah baik dengan ketara seperti yang ditunjukkan dalam nisbah mortaliti ibu bersalin (MMR) yang berkurangan dari 141 bagi setiap 100,000 pada 1970 kepada 30 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada 2005. Pencapaian MMR yang baik ini adalah kerana peningkatan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan juga peningkatan yang ketara bagi kelahiran yang dikendalikan oleh pegawai kesihatan terlatih.

Malaysia telahpun mencapai semua sasaran dalam MDG kecuali yang berhubung dengan sasaran memerangi **HIV/AIDS**. Kini, usaha-usaha yang lebih bersepadu telah diambil untuk menyekat dan mengurangkan penularan jangkitan HIV/AIDS menjelang 2015 melalui pendekatan pelbagai sektor. Pendekatan ini termasuk permuafakatan dan kerjasama antara kementerian dan agensi yang berkaitan dengan kesihatan, pendidikan dan penerangan di samping melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam pelbagai aspek pencegahan, rawatan, penjagaan dan khidmat sokongan AIDS.

Malaysia telah mencapai kemajuan besar dalam usaha mengawal penyakit berjangkit termasuk malaria. Langkah penjagaan kesihatan awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan juga telah berjaya mengawal penyakit berjangkit, termasuk melalui penyediaan bekalan air yang selamat diminum, program imunisasi kanak-kanak, pembuangan sisa dan sanitasi yang sempurna, pemakanan yang lebih baik dan pengawalan kualiti makanan, serta peningkatan rangkaian kemudahan kesihatan asas di peringkat komuniti. Program pengurangan kemiskinan turut memperkukuhkan lagi kejayaan dalam langkah-langkah penjagaan kesihatan awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Malaysia terus menerima pakai pendekatan yang sistematik dengan menggabungkan prinsip-prinsip **pembangunan mapan** di dalam pelan-pelan pembangunan nasional. Integrasi ini termasuk dasar dan perundangan bagi sektor-sektor tertentu seperti keperluan Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) sebelum kelulusan diberikan untuk projek utama dan yang sensitif kepada alam sekitar.

Di samping itu, usaha bersepadu dan terancang antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam bidang pembangunan tanah, perhutanan, sumber air dan pengurusan tenaga terus dipergiatkan. Di peringkat serantau, Malaysia terus terlibat dalam mengkaji isu-isu alam sekitar dan sebagai bukti kepada komitmennya telah meratifikasi perjanjian utama pelbagai hala. Antara perjanjian tersebut ialah *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Flora and Fauna* (CITES) yang ditandatangani pada 1977, *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS; 1982), *Convention on Biological Diversity* (CBD; 1992) dan *Cartagena Protocol on Biodiversity* (2003).

Di arena antarabangsa, Malaysia terus menyokong usaha untuk **membangunkan perkongsian global untuk pembangunan**. Ini ternyata melalui sumbangan RM341.3 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) kepada organisasi pelbagai hala seperti Bank Pembangunan Asia (ADB), Bank Pembangunan Islam (IDB), PBB, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan WTO. Melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP), Malaysia juga berusaha membantu negara membangun lain dengan berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam transformasi ekonomi dan sosial. Malaysia juga bergiat aktif dalam kumpulan serantau dan pelbagai hala seperti Pertubuhan

Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi meningkatkan lagi perdagangan antara rantau, peluang-peluang pelaburan, serta kerjasama kewangan dan industri di kalangan negara-negara serantau bertujuan meningkatkan tahap pendapatan dan membasmi kemiskinan.

Kesimpulan

Abad ke-21 yang merupakan era globalisasi dan kepesatan pembangunan ekonomi, memerlukan pendekatan baru dan inovatif bagi mengekalkan momentum ke arah mencapai kesemua MDG. Dalam konteks ini, Malaysia terus berusaha melaksanakan strategi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bukan sahaja untuk mengekalkan tahap pencapaian, malah lebih penting lagi untuk menangani dan menghadapi cabaran baru melalui, antaranya, perkongsian tanggungjawab pihak awam dan swasta. Pendekatan ini menyediakan asas yang kukuh untuk Malaysia menerajui agenda pembangunan sosioekonomi dalam memenuhi aspirasi Wawasan 2020 bagi menjadi sebuah negara maju sepenuhnya.

Maju Ke Arah 2007

Isu dan Cabaran

Cabaran yang dihadapi ekonomi negara pada tahun 2006 dijangka berterusan dalam tahun 2007. Pada peringkat antarabangsa, dijangka masih terdapat kebimbangan terhadap harga minyak mentah yang tinggi berikutan permintaan yang kukuh dan kapasiti penapisan minyak yang terhad serta peningkatan ketegangan geopolitik di Timur Tengah. Keadaan ini boleh mengakibatkan peningkatan kadar inflasi dan kadar faedah global yang berterusan serta memberi kesan kepada perdagangan dan pertumbuhan dunia. Ketidakeimbangan global semasa juga akan memberi kesan tidak menentu ke atas pasaran kewangan dan mengurangkan perdagangan dunia serta kemasukan pelaburan. Berlandaskan kepada ketidaktentuan ini, pertumbuhan global dijangka sederhana sebanyak 4.7% pada tahun 2007 (2006: 4.9%) disokong oleh perdagangan dunia dan kemasukan pelaburan yang berterusan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada sumber minyak mentah yang dimiliki dan kenaikan harga minyak, Malaysia berada dalam keadaan yang lebih baik untuk menangani pertumbuhan global yang sederhana untuk mencapai pertumbuhan kukuh 6% pada tahun 2007 (2006: 5.8%). Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada kestabilan harga, meningkatkan peluang pekerjaan, terutama kepada graduan serta menangani isu kepesatan urbanisasi dan ketidakeimbangan wilayah.

Ke Arah Merealisasikan Misi Nasional

Untuk maju ke hadapan, Bajet 2007 akan menterjemahkan Misi Nasional kepada program dan projek untuk dilaksanakan segera dengan lebih berkesan. Oleh yang demikian, strategi Bajet 2007 akan ditumpukan khususnya bagi menggalakkan sektor swasta sebagai peneraju utama dalam pembangunan ekonomi; menjana sumber kekayaan baru dalam sektor intensif teknologi dan pengetahuan; meningkatkan akses dan kualiti sistem pendidikan dan latihan di semua peringkat; membasmi kemiskinan dan mengurangkan jurang antara wilayah; meningkatkan tahap dan keamanan kualiti hidup; dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Strategi ini dijangka akan menggalakkan lagi aktiviti ekonomi domestik, serta memperkukuhkan daya saing negara bagi membolehkan negara merebut peluang berikutan daripada proses globalisasi dan liberalisasi.

Kerajaan terus komited untuk menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menggalakkan pelaburan swasta domestik dan asing dalam usaha untuk meningkatkan lagi peranan sektor swasta sebagai pemacu utama pertumbuhan. Di samping itu, inisiatif pembiayaan swasta (PFI) yang diumumkan di bawah RMKe-9 akan menyediakan lebih peluang kepada sektor swasta untuk melibatkan diri dalam melaksanakan projek pembangunan.

Bagi menjana sumber kekayaan baru, program dan projek dalam sektor intensif teknologi dan pengetahuan akan dilaksanakan dan dibangunkan berdasar kemampuan dan keupayaan sedia ada bagi menghasilkan nilai ekonomi terutamanya dalam sektor ICT, bioteknologi dan perkhidmatan berasaskan kemahiran. Dalam usaha untuk terus membangunkan modal insan yang berkualiti, pendekatan yang lebih menyeluruh akan diguna pakai di mana pengetahuan dan kemahiran, nilai etika dan kesedaran budaya akan diberi lebih tumpuan. Dalam menangani jurang sosioekonomi dan wilayah, keutamaan akan diberi untuk mengurangkan kemiskinan tegar, meningkatkan kemudahan akses kepada keperluan asas dan merangsang pembangunan wilayah. Bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam, inisiatif tambahan akan diperkenalkan bagi melicinkan proses kerja untuk menambah baik serta memudahkan peraturan dan undang-undang sedia ada. Sementara itu, bagi menjamin kesejahteraan rakyat, Kerajaan akan memberi lebih perhatian bagi memastikan semua program dilaksanakan secara efektif melalui penyelarasan, kawalan dan penilaian yang lebih baik.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal mapan, disokong terutamanya oleh aktiviti sektor swasta dan usaha berterusan Kerajaan untuk menyokong pertumbuhan melalui dasar makroekonomi yang efektif dan langkah liberalisasi. Pelaburan dalam aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan penggunaan teknologi termaju akan terus meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya saing. Peningkatan produktiviti, perkembangan kapasiti, kadar faedah yang menyokong pelaburan dan dasar fiskal yang berhemat serta usaha untuk memastikan pembendungan inflasi akan kekal sebagai fokus pengurusan makroekonomi. Pengurusan dasar monetari pada tahun 2007 akan terus mengimbangkan risiko inflasi dengan usaha menyokong pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, peningkatan inflasi berikutan kenaikan harga minyak mentah yang tinggi boleh memberi cabaran kepada pengurusan dasar monetari. Walau bagaimanapun, asas makroekonomi negara yang semakin kukuh dan kepelbagaian struktur ekonomi akan menyediakan fleksibiliti kepada Kerajaan untuk bertindak dengan sewajarnya, jika berlaku perubahan ketara dalam inflasi dan prospek pertumbuhan.

Di samping menangani cabaran semasa, Bajet 2007 juga dirangka sebagai landasan untuk mencapai Misi Nasional dan sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-9. Bagi mendapatkan faedah yang besar daripada dasar pembangunan, rangka kerja yang digariskan di bawah Misi Nasional memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama, iaitu daya saing negara pada peringkat global; pembangunan modal insan; integrasi nasional; hubungan etnik; pembahagian pendapatan dan kekayaan; serta kualiti hidup. Berdasarkan kepada bidang keutamaan ini, Misi Nasional mengandungi lima teras utama: meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi; meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk “minda kelas pertama”; menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif; meningkatkan tahap dan keamanan kualiti hidup; dan mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan. Semua pelan pembangunan sosioekonomi yang akan datang, termasuk belanjawan tahunan, akan berlandaskan kepada lima teras ini.

RMKe-9 merupakan fasa pertama daripada tiga fasa pelan pembangunan lima tahun di bawah Misi Nasional. Objektif utama RMKe-9 ialah untuk membina ekonomi maju dengan pembangunan sosial yang seimbang serta masyarakat progresif dengan nilai moral dan budaya yang tinggi. Strategi utama makroekonomi RMKe-9 adalah untuk mencapai sasaran pertumbuhan purata KDNK benar 6%, antara lain merangsang pelaburan sektor swasta, menggalakkan sumbangan yang lebih besar daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dalam menjana pertumbuhan, menarik FDI yang berkualiti tinggi dan menggunakan kelebihan teknologi tinggi serta kepelbagaian pasaran. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan dasar fiskal dan monetari terus menyokong pertumbuhan dan kestabilan harga, sementara mengurangkan defisit fiskal Kerajaan Persekutuan secara beransur. RMKe-9 berserta dengan pelan pembangunan sektoral yang lain seperti IMP3 akan menyediakan hala tuju untuk kemajuan ekonomi Malaysia yang lebih pesat dalam masa sederhana dan jangka masa panjang.